



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM CADANG TAMBAH KAWASAN PROJEK TKPM TINGKAT HASIL PERTANIAN NEGARA, BERNAMA -ONLINE SEGERAKAN REFORMASI INDUSTRI PADI DAN BERAS, DALAM NEGERI, UM -32 NILAI RM1,500 TIDAK RELEVAN -PESAWAH, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK TERUS MEMPERKASA USAHAWAN KECIL, THE MALAYSIA PRESS -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	DOF SIASAT ADUAN PENGABAIAAN PENYU DI SEBUAH RESORT, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	TERNAKAN IKAN TILAPIA GUNA TEKNOLOGI RAPID BIOFLOC, DALAM NEGERI, UM -32 'MURAH BERBANDING PALET KOMERSIAL', NEGARA, KOSMO -15 MyCC DIARAH KAJI AP DAN IP BAWANG, DAGING, KELAPA, NASIONAL, BH -7 PGA RAMPAS 280 POKOK HIASAN SELUDUP BERNILAI RM980,000, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

taip untuk carian

AM

KPKM CADANG TAMBAH KAWASAN PROJEK TKPM TINGKAT HASIL PERTANIAN NEGARA

🕒 12/11/2024 11:59 PM



Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup (tengah) pada gimik Perasmian Seminar Pemerkasaan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sebuah hotel hari ini. Turut hadir, Ketua Pengarah Pertanian Datuk Nor Sam Alwi (kiri). --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

SHAH ALAM, 12 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bercadang menambah kawasan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di seluruh negara bagi meningkatkan dan menjamin pengeluaran hasil pertanian sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada sumber import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata ia antara usaha bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan untuk menampung keperluan yang semakin meningkat.

Beliau berkata sebanyak RM491 juta diperuntukkan KPKM melalui Jabatan Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan hingga Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi melaksanakan pembangunan TKPM.

“Kalau kita tengok keperluan kepada makanan negara, ia semakin meningkat. Kita punya kebergantungan kepada makanan import masih terlalu tinggi, bermakna usaha perlu dilipatgandakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran makanan negara kita sendiri.

“Kita ada perancangan (tambah kawasan). Setakat RMK-12 kita sudah berjaya mencapai sasaran bilangan TKPM. Kita dalam perancangan untuk memohon lagi supaya lebih banyak TKPM dalam Rancangan Malaysia Ke-13 nanti,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Pemerkasaan Projek TKPM Jabatan Pertanian 2024 di sini hari ini.

TKPM antaranya diwujudkan berdasarkan kepada empat objektif iaitu mewujudkan zon pengeluaran kekal bagi menjamin keselamatan makanan negara dan meningkatkan pengeluaran makanan yang mampan, berkualiti dan selamat untuk dimakan.

Selain itu, ia bertujuan meningkatkan pendapatan bersih kepada peserta melalui produk ladang untuk mencapai sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan keempat untuk membangun dan meningkatkan penglibatan sektor swasta, usahawan dan golongan belia dalam bidang pengeluaran makanan secara komersial melalui amalan teknologi moden dan inovasi pertanian.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Datuk Nor Sam Alwi berkata TKPM ketika ini mampu mengeluarkan hasil pertanian sebanyak 85 peratus daripada sasaran 90,000 tan metrik setahun menerusi 74 kawasan melibatkan tanah seluas 10,614 hektar di seluruh negara.

Nor Sam dalam ucapannya berkata defisit pengeluaran berlaku ketika COVID-19 melanda dunia menyebabkan hasil pertanian tidak dapat dipasarkan secara optimum.

“Sekarang mereka dalam proses pemulihan dan ambil masa sebab dengan kos pengeluaran yang tinggi, tengok mereka secara perlahan-lahan pulih dan boleh dapat balik kepada momentum asal pengeluaran mereka,” katanya.

-- BERNAMA

KATA KUNCI

kpk

tkpm

hasil pertanian

arthur joseph kurup

BERITA BERKAITAN



**FORMULA KERAJAAN PERPADUAN
JADI ASAS KERJASAMA BN-PH
DALAM PRN17 SABAH**

🕒 8jam lalu



**PAVILION MAHA DI MAEPS LOKASI
LAWATAN DELEGASI ASEAN PADA
2025**

🕒 4hari lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Segerakan reformasi industri padi dan beras

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
Utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Sudah tiba masanya reformasi dalam industri padi dan beras negara dilaksanakan selepas laporan berkaitan kartel dalam industri itu sejak sekian lama diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

Pengerusi Pertubuhan Pesawahan Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sebelum ini banyak pihak yang berkaitan dalam industri itu seolah-olah mejamkan mata terhadap kepincangan yang berlaku hingga kartel bermaharajalela.

Katanya, ketika golongan pesawah terbeban dengan peningkatan kos yang membawa kesan besar terhadap pendapatan dan motivasi mereka, ini merupakan masa yang tepat untuk membela kembali nasib petani dengan menghapuskan gejala kartel.

Katanya, pesawah tidak sabar menunggu laporan berkaitan kartel padi dan beras yang akan diumumkan Perdana Menteri.

"Langkah kerajaan melakukan reformasi ini termasuk



Kita bukan mahu menyebelahi mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan..."

berusaha membersihkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) wajar dipuji. Tindakan ini sepatutnya sudah diambil lama dulu tetapi tiada pihak yang benar-benar serius mengusahakannya.

"Kita bukan mahu menyebelahi mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan oleh sesiapa pun yang berkuasa dan menjadi kerajaan. Ini langkah yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama dan jika bukan sekarang, sampai bila agaknya kita mahu melihat golongan petani terus ditindas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, laporan kajian berkenaan kartel padi dan beras akan di-

mumkan oleh Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Menurut Fuziah, beliau sudah meneliti laporan disiapkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), namun tidak boleh mendedahkan intipatinya kerana enggan mendahului Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, golongan yang terlibat dalam industri pertanian negara sedar bahawa peperangan melawan kartel bukan sesuatu yang mudah kerana ia sudah berleluasa sejak sekian lama.

"Maka kita berharap agar usaha memerangi mereka ini tidak terhenti separuh jalan. Lakukan secara bersungguh-sungguh dan sentiasa lipat gandakan usaha untuk membanteras mereka bagi membela nasib petani.

"Diakui memang banyak cabaran untuk menentang kartel kerana mereka bukan hanya menguasai industri, malah turut menguasai kerajaan. Disebabkan itu, kami berharap usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak agar industri padi dan beras negara dapat terus maju serta mendapatkan lebih banyak kebaikan kepada petani," katanya.

Ternakan ikan tilapia guna teknologi *Rapid Biofloc*



AHMAD Ramzi Mohamad Zubir (tiga, kiri) melepaskan benih ikan tilapia ke kolam kanvas pada program pelepasan anak ikan tilapia di Kampung Mak Som, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH
IFFAH WAN ZULKIFLI

BESUT: Sebanyak 170 projek ternakan ikan tilapia menggunakan teknologi *Rapid Biofloc* hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT), akan dilaksanakan dalam Program Sejati Madani di seluruh Terengganu bermula tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd., Datuk Dr. Ahmad Ramzi Mohamad Zubir berkata, setakat ini, dua projek telah dilaksanakan di Kampung Padang Mengkuang di Marang dan Kampung Gong Mak Som, Besut.

Menurutnya, setiap projek menggunakan peruntukan berjumlah RM100,000 yang disalurkan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan.

"Dengan menggunakan teknologi *Rapid Biofloc*, ikan-ikan tersebut ditenak dalam kanvas dan anak benihnya juga tahan

lasak daripada jangkitan penyakit dan perubahan cuaca," katanya ditemui pada program pelepasan anak ikan tilapia di Kampung Gong Mak Som di sini, semalam.

Ahmad Ramzi berkata, projek ternakan tilapia itu mampu memberi pulangan sebanyak RM40,000 dengan jangkaan pengeluaran sebanyak empat tan ikan tilapia untuk setiap tuisan.

"Penduduk terlibat akan diberi latihan, peralatan serta anak benih ikan tilapia dan dalam tempoh enam bulan ini, dua orang pegawai akan ditugaskan untuk mengajar dan memantau bagi menjayakan projek tersebut dengan pengeluaran yang memaksimumkan.

"Hasil ikan tersebut, Kumpulan UMT Jaya akan beli daripada penduduk terlibat, sebelum dipasarkan ke seluruh negara," katanya.

Nilai RM1,500 tidak relevan - Pesawah

Harga belian padi lebih sesuai RM1,800 per tan metrik

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
SHAH ALAM

Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Cumanya bagi kami nilainya itu tidak relevan jika se-kadar RM1,500 se-dangkan harga benih padi sudah tiga kali mengalami kenaikan selepas pandemik Covid-19.

"Apabila tiada harga belian padi yang signifikan, jadi segala kos input pasti terpaksa ditanggung oleh pesawah juga," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurutnya, kenaikan harga belian itu perlu sebagai bukti kerajaan tidak berat sebelah ke-pada semua golongan.


Jelasnya, kos mengerjakan sawah sekarang mencecah RM5,000 per hektar dan jika ha-sil yang diterima pesawah ialah enam metrik tan per hektar, pe-sawah akan mendapat RM3,400 keuntungan per hektar untuk enam bulan penghasilan padi.



"Ini bermakna pendapatan pesawah adalah RM566 se-bulan per hektar. Kenaikan harga mini-mum terjamin padi kepada RM1,800 pula akan membolehkan pesawah mendapat RM5,800 keuntungan atau RM966 sebulan per hektar, paling mi-nimum.

"Purata saiz sa-wah yang dikerjakan petani di Malaysia adalah 1.2 hektar men-jadikan pendapatan seorang pe-sawah mencapai RM1,159 hingga RM2,898 sebulan. Ini agak bersesuaian dengan gaji minimum pekerja di Malaysia iaitu RM1,700 sebulan," jelas-nya.

Tambah Abdul Rashid, beliau bersama Jawatankuasa Pesawah telah menyerahkan memorandum permohonan ke-naikan harga padi kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Mas Ermeyati Samsudin



Harga minimum padi lebih sesuai dinaikkan kepada RM1,800 susulan peningkatan harga benih, minyak diesel, kos pembajakan dan penuaian sejak kebelakangan ini. - Gambar hiasan

di Parlimen pada Isnin.

"Antara tuntutan kami ter-masuklah kenaikan harga belian padi ini, subsidi benih padi, skim baja rintis, penambahbaikan in-frastruktur dan pengembalian Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN)," katanya.

Pada Isnin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) dilaporkan akan membincangkan cadangan me-netapkan harga lantai belian padi pada RM1,500 per tan metrik.

Menurut Mohamad, harga semasa yang ditetapkan kini adalah RM1,300 per tan metrik termasuk bagi kawasan Sabah dan Sarawak yang dinaikkan se-jak 15 Februari lalu.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) berpendapat harga lantai belian padi RM1,500 per tan metrik belum dapat mengimbangi kos input yang ditanggung pesawah selama ini.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, harga minimum padi lebih sesuai dinaikkan kepada RM1,800 susulan peningkatan harga benih, minyak diesel, kos pembajakan dan pe-nuaian sejak kebelakangan ini.

Katanya, mereka berbesar hati apabila masalah harga padi itu mendapat perhatian Menteri

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2024	THE MALAYSIA PRESS	ONLINE	

Jabatan Pertanian Negeri Perak terus memperkasa usahawan kecil



JABATAN Pertanian Negeri Perak antara jabatan kerajaan yang sentiasa aktif dalam membantu golongan usahawan kecil dalam menjana pendapatan.

Terbaharu, jabatan tersebut dengan kerjasama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah membantu seorang ibu tunggal, Siti Fatimah Osman, membuka sebuah bengkel pemprosesan pes sambal di Taman Muhibbah,

Temoh, Tapah, Perak.

Menurut Pengarah Pertanian Negeri Perak, Norsiyenti Othman, pihaknya membantu bagi memudahkan urusan para usahawan dalam mengembangkan perniagaan mereka ke arah lebih baik.



Ujarnya, antara agensi lain yang turut sama membantu ialah STeP.

“Kita membantu para usahawan untuk mendapatkan khidmat bantuan untuk membuka bengkel.

“Manakala STeP memberi geran kepada usahawan yang menjadi ahli yang berdaftar di dalam Sistem Maklumat Usahawan Perak STeP,”

katanya ketika merasmikan Bengkel Ctyza Enterprise baru-baru ini.

Turut menyempurnakan perasmian, Pengarah STeP, Mohamad Rozlan Mohamad Razali dan Penolong Pegawai Daerah Batang Padang, Shahrizal Jamalullail Shahudin.



Mengulas lanjut, pemilik bengkel, Siti Fatimah berkata, sejak lima tahun lalu, dia hanya mengusahakan perniagaan pembuatan sambal dan kuih-muih sejuk beku secara kecil-kecilan.

“Sekarang, saya tidak menyangka akan mempunyai bengkel proses pes sambal sendiri.

“Saya merupakan usahawan kecil yang mendapat bimbingan dan khidmat bantuan daripada Jabatan

Pertanian Perak untuk membuka bengkel.

“Di samping penerima geran STeP, saya juga penerima geran daripada agensi lain seperti Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA),” katanya yang juga amat berterima kasih kepada kerajaan negeri yang banyak membantu usahawan-usahawan kecil sepertinya.



Jelas Siti Fatimah, sebelum ini, dia telah berjaya menghasilkan produk sambal sebanyak 1,200 botol pada tahun 2023 dengan nilai jualan RM21,600.

“Selain pemprosesan pes sambal, saya turut menjadi tenaga pengajar pembuatan kek dan pastri bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berkemahiran,” ujarnya.

Dia juga antara usahawan yang rajin menyertai program anjuran pelbagai agensi dalam menimba ilmu untuk menjadi usahawan berpengetahuan dan berpengalaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

DOF siasat aduan pengabaian penyu di sebuah resort



KUALA LUMPUR- Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menjalankan siasatan pada 7 November lalu susulan aduan orang awam dan laporan tular pengabaian penyu di sebuah resort di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Jabatan itu dalam kenyataan hari ini berkata, siasatan dijalankan oleh Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan (CKOPP) Negeri Sembilan

bagi menilai keadaan penyu serta tahap kebersihan kolam di pusat tersebut.

Katanya, semasa pemeriksaan, tiga ekor penyu agar tersebut berada dalam keadaan sihat dan aktif berenang.

Kolam penyu terbabit juga dijaga dengan baik dan air kolam dalam keadaan bersih dan tidak berbau.

Bagaimanapun katanya, beberapa aspek pengurusan dan kebajikan penyu perlu ditingkatkan untuk memastikan hidupan itu dipelihara dalam keadaan yang sesuai.

“Pihak pengurusan Glory Beach Resort telah diberi arahan serta nasihat secara bertulis agar segera mematuhi garis panduan penjagaan penyu yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

“Langkah-langkah pemulihan yang segera juga telah dikenal pasti dan akan dipantau oleh pihak jabatan untuk memastikan pengurusan pusat tersebut mengekalkan piawaian yang ditetapkan pada masa hadapan,” katanya.

Tambah kenyataan itu beberapa langkah juga telah diambil oleh pihak Glory Beach Resort untuk memastikan kebersihan kolam penyu.

Antaranya, menukar diet makanan penyu daripada ikan mentah kepada udang mentah bagi mengurangkan pencemaran air kolam, mengganti air kolam setiap minggu dengan mengepam air laut dari pesisiran pantai mengikut pasang surut, serta menggunakan pam berkapasiti tinggi untuk menapis air kolam.

Pengarah Perikanan, Kasim Tawe berkata pihaknya akan akan menjalankan pemeriksaan berkala bagi memastikan keadaan kolam dan kebajikan penyu sentiasa terjaga.

Jabatan juga merancang untuk melepaskan tiga ekor penyu agar ini ke perairan laut pada awal tahun hadapan sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan spesies ini.

"Kami mengambil serius isu-isu berkaitan kebajikan hidupan laut, terutama penyu yang merupakan spesies dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985. Semua pusat pemuliharaan dan pameran hidupan laut perlu mematuhi piawaian penjagaan yang ketat bagi menjamin kesejahteraan hidupan tersebut," ujar beliau.

Tambahnya, DOF menghargai keprihatinan masyarakat dalam melaporkan isu-isu berkaitan kebajikan hidupan laut. -MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2024	KOSMO	NEGARA	15



DR. MIRA memberikan MoringaPro Pellet kepada haiwan ternakan di Taman Ekuin UTM, Johor Bahru ketika ditemui baru-baru ini.

UTM hasil makanan ternakan guna daun moringa

'Murah berbanding palet komersial'

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Seorang pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini menghasilkan makanan ternakan alternatif yang menjimatkan sehingga 70 peratus berbanding makanan ternakan sedia ada.

Pensyarah Kanan di Jabatan Biosains, Fakulti Sains UTM, Dr. Mira Panadi berkata, makanan ternakan bernama 'MoringaPro Pellet' itu dihasilkan daripada Moringa Oleifera atau lebih dikenali sebagai daun moringa dan juga daun kelor.

"Produk itu merupakan satu inovasi yang mampu mengubah landskap industri ternakan den-

gan kos lebih jimat dan mampan.

"MoringaPro Pellet dihasilkan daripada daun moringa yang dijadikan sebagai sumber protein utama dan diperkaya dengan vitamin A, C, E, serta mineral penting seperti kalsium, zat besi, dan kalium.

"Formulasi inovatif ini menyokong kesihatan ternakan dengan hasil yang lebih baik berbanding makanan konvensional. Ia bukan sahaja kaya dengan nutrien, malah bentuk palet juga dapat mengurangkan kesan anti nutrien sekali gus menjadikannya lebih berkesan dan selamat," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Katanya, MoringaPro Pellet juga menawarkan penjimatan

kos bagi pembelian makanan ternakan sehingga 70 peratus dengan kos bahan mentah dianggarkan berharga kira-kira 80 hingga 90 sen sekilogram.

"Nilai itu jauh lebih rendah berbanding harga palet komersial ketika ini yang boleh mencecah RM3.50 hingga RM4.10 sekilogram.

"MoringaPro Pellet menggunakan bahan-bahan tempatan yang mesra alam, palet ini juga mengurangkan jejak karbon selain menyokong ekonomi petani-petani tempatan," ujarnya.

Jelasnya, produk itu telah dipatenkan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bagi melindungi formulasi dan proses penghasilannya bulan lalu.

Sidang Dewan Rakyat

MyCC diarah kaji AP dan IP bawang, daging, kelapa

Dapatan akan
dibentangkan
kepada MTEN
sebelum
akhir tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Suruhanjaya Persaingan 2010 dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang selepas mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Beliau berkata, pindaan akta itu penting bagi memperkaskan perundangan persaingan dan bagi mengenalkan rejim kawalan penggabungan bagi memastikan MyCC dapat membantulas pembentukkan kartel atau mengawal selia pembentukan monopoli dalam pasaran.

Pengubalan Lemon Law

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, keputusan dasar pada peringkat KPDN akan dilaksanakan masa terdekat berkaitan pengubalan undang-undang Lemon Law sebelum ia diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Lemon Law ialah undang-undang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk berbilang kali rosak, selain gagal memenuhi standard kualiti serta prestasi.

Beliau berkata, keputusan dasar itu akan memuktamadkan sama ada wujudnya keperluan untuk mengubal akta baharu iaitu Lemon Law atau menambah baik kerangka perundangan sedia ada.

"KPDN menjalankan kajian perundangan berkaitan Lemon Law bermula Jun hingga bulan ini dan masa terdekat kita akan



Armizan pada Sidang Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

membuat keputusan dasar pada peringkat kementerian," katanya.

Walaupun kajian berkaitan Lemon Law masih berlangsung, beliau berkata, KPDN sudah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan dua strategik interim iaitu menubuhkan pasukan rundungan khas berkaitan aduan kenderaan bermotor di KPDN.

Katanya, melalui penubuhan pasukan ini, ia menjadi pemudah cara yang akan memudahkan pembeli dan pengedar bagi menyelesaikan sebarang isu berkaitan.

"Sejak Jun hingga September lalu, 16 aduan diterima dan disiasat pasukan ini," katanya.

Beliau berkata, kaedah kedua

ialah pengukuhan proses Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) melalui kerjasama strategik dengan Bank Negara Malaysia (BNM), antaranya membabitkan isu definisi Akta Sewa Beli 1967.

Berhubung menu Rahmah, Armizan berkata, kerajaan akan membuat pemprofilan kawasan bersesuaian untuk ditawarkan kemudahan menu itu oleh peniaga, berbanding ia dibuat secara meluas di seluruh negara.

Beliau berkata, kerajaan akan mengusahakan untuk memperluaskan tempat tertentu sahaja, contohnya di kawasan yang diduduki pekerja kilang dan golongan B40 serta di perumahan kos rendah.

PGA rampas 280 pokok hiasan seludup bernilai RM980,000

Tumpat: Seorang lelaki ditahan dan lebih 280 pokok hiasan jenis orkid bernilai RM980,000 dirampas oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) di Jalan Kasban Kampung Simpangan, di sini, petang kelmarin.

Rampasan dilakukan Batalion 8 jam 6.30 petang selepas pihaknya menahan sebuah kereta jenis Toyota Avanza yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata hasil pemeriksaan mendapati terdapat lebih 280 tanaman hiasan jenis orkid yang dipercayai diseludup dari Thailand ditemui di dalam kereta itu tanpa dokumen yang sah.

Katanya, suspek seorang lelaki tempatan berusia 57 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup orkid terbabit ke pasaran tempatan turut ditahan.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan bernilai



Pokok hiasan jenis orkid yang dirampas PGA di Jalan Kasban Kampung Simpangan, petang kelmarin. (Foto ihsan PGA)

RM980,000 dan kes disiasat mengikut Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta167) Seksyen 5.

Suspek dan barang rampasan dibawa ke Balai Polis Pengkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya," katanya menerusi kenyataan media di sini, semalam.

Rampas 475kg beras

Menerusi rampasan berasingan di Simpang Tiga Kampung Dangar, Rantau Panjang, Nik Ros Azhan berkata, pihaknya merampas 475 kilogram (kg) beras

diseludup dari Thailand.

Katanya, rampasan dilakukan Batalion 9 jam 8 pagi kelmarin turut menahan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun.

"Rampasan dilakukan selepas kita menahan sebuah kereta jenis Proton Persona sebelum menemui sejumlah beras dalam kenderaan terbabit.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan RM1,900 dan kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras Negara 1994," katanya.